

# Citibank lancar kad komersial baharu

CITIBANK Berhad (Citibank) merancang memperkukuhkan kedudukan dalam pasaran pembayaran kad niaga ke niaga (B2B) dengan menguasai 20 peratus pasaran melalui pelancaran dua kad komersial baru, Citibank Business Signature Card dan Citibank Travel Account.

Pengarah Urusan, Kad dan Pinjaman Pelanggan Citibank Anand Cavale berkata, menjelang akhir tahun, Citibank berhasrat menarik perbelanjaan korporat dalam kategori perolehan bagi pembayaran dan perjalanan serta keraian (T&E) yang disasarkan sebahagian besarnya kepada segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan Perusahaan Pasaran Pertengahan (MME).

"Syarikat-syarikat PKS dan MME memerlukan struktur lapor perbelanjaan yang lebih canggih bagi perbelanjaan perniagaan dan kos pemprosesan pembayaran yang lebih rendah.

"Kini syarikat boleh menggunakan kad-kad komersial baharu ini untuk memantau perbelanjaan, menguruskan aliran tunai dan mengawal kos," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kad komersial Citibank turut menawarkan 0.80 peratus rebat tunai atas semua perbelanjaan.

"Syarikat dalam segmen-segmen ini lazimnya menjana perolehan jualan tahunan daripada RM15.97 juta (AS\$5 juta) kepada RM799 juta (AS\$250 juta)

dan mempunyai keperluan terhadap kaedah penyelesaian perbelanjaan pembayaran yang lebih canggih," katanya.

Menurut anggaran yang dibuat oleh Visa, terdapat potensi jumlah pembayaran komersial sebesar RM198 bilion (AS\$62 bilion) di dalam segmen-segmen ini.

Sementara itu, Pengurus Besar Visa, Malaysia Stuart Tomlinson berkata, PKS adalah bahagian yang sangat penting dalam ekonomi negara iaitu 97.3 peratus daripada keseluruhan masyarakat perniagaan.

"Perniagaan memerlukan kuasa beli yang memudahkan dan keupayaan untuk mengawal kos serta mengurangkan masa memproses dan mengagihkan perbelanjaan," katanya.



Dari kiri: Ketua Pegawai Eksekutif Citibank, Sanjeev Nanavati; Pengarah Institut Gerontology Universiti Putra Malaysia (UPM), Professor Dr Tengku Aizan Hamid; Menteri Pembangunan Wanita Masyarakat dan Pembangunan Keluarga, Datuk Rohani Abdul Karim dan Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa UPM, Datin Aini Idris ketika pelancaran Program Pendayaupayaan Kewangan Wanita Matang Citi-UPM.